

KUB 'rosak' jika disalahguna — PM

KUALA LUMPUR 16 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Kewangan Usaha Bersatu Malaysia Berhad (KUB) akan 'rosak' sekali lagi jika ia digunakan untuk kepentingan sesuatu pihak.

Katanya, KUB kini sudah memiliki banyak harta dan tentulah banyak yang berminat untuk memimpin koperasi itu.

"Kalau berminat itu baik... bukan tak baik tetapi kalau berminat dengan tujuan lain itu kurang baiklah...kalau nak guna KUB untuk kepentingan lain maka akan rosaklah sekali lagi KUB," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-14 KUB di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, rak-

yat sudah melihat apa yang terjadi kepada KUB apabila ia diperalatkan untuk tujuan lain.

"Bila KUB digunakan untuk tujuan lain maka tumpuan tidak diberikan kepada perniagaan atau kepentingan ahli-ahlinya sebaliknya ahli-ahli dijadikan alat...bukan KUB yang dijadikan alat kepada ahli-ahli untuk mendapat keuntungan.

"Akhirnya kita lihat bagaimana ia menjadi satu badan yang memalukan kita, inilah sebuah koperasi yang besar yang ditubuhkan oleh UMNO tetapi terbuka pada semua orang Melayu tidak mengambil kira daripada parti apa," katanya.

Dr. Mahathir menegaskan, ahli-ahli KUB harus merasa malu apabila KUB gagal sedangkan mereka mendakwa diri sebagai orang yang menjadi tulang belakang kepada negara ini.

Keputusan "Kalau tulang belakang sudah rosak dan busuk apa gunanya," katanya.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan ahli-ahli yang ingin merebut jawatan dalam KUB supaya memikirkkan secara mendalam keputusan mereka.

"Manakala ahli-ahli pula yang mempunyai undi yang boleh menentukan nasib KUB juga harus ingat, kalau undi digunakan untuk kepentingan peribadi tertentu dan diri seseorang, KUB akan balik menjadi badan yang memalukan kita.

"Tetapi kalau kita menggunakan undi untuk memilih orang yang berwibawa dan berpengetahuan serta berkualiti maka KUB akan terus maju," katanya.

Beliau berkata, ahli-ahli KUB tidak harus membawa unsur-

unsur tidak baik ke dalam koperasi itu kerana ia boleh mendatangkan kesan yang buruk.

"Ada koperasi yang ditubuh oleh kaum lain yang sudah gagal macam-macam cerita kita dengar tetapi KUB telah dapat dipulihkan semula dan berjalan dengan baik serta mendapat keuntungan dan diterima oleh syarikat-syarikat asing," katanya.

Perdana Menteri juga menegaskan, sama ada KUB akan terus maju atau tidak ia terpulang kepada pengurusan perniagaan yang baik.

"Umpamanya kita terjumpa sekeping tanah yang mempunyai emas di dalamnya...itu mungkin akan merugikan kita kalau diuruskan oleh orang yang tidak baik," katanya.